

31/10/1997

Ketetapan khas krisis mata wang

zil

KUALA LUMPUR, Khamis - Sidang Kemuncak Kumpulan 15 dijangka mengeluarkan perisytiharan khas mengenai krisis mata wang yang melanda Asia Tenggara dan mula merebak ke rantau lain sekarang.

Cadangan mengeluarkan perisytiharan itu, yang sama dengan Deklarasi Harare Mengenai Klausu Buruh tahun lalu, dikemukakan oleh Zimbabwe dalam Mesyuarat Wakil Peribadi Ketua Kerajaan Anggota G-15, semalam.

Wakil Peribadi Ketua Negara Zimbabwe, Tichaona J B Jokonya berkata, semua wakil negara anggota bersetuju dengan cadangan Zimbabwe, yang juga penyelar Forum Pelaburan Perniagaan (BIF) G-15 kerana krisis mata wang adalah persoalan terkini yang dominan dan memerlukan tumpuan khusus.

Justeru, beliau yang yakin isu krisis mata wang akan menguasai perbincangan kali ini berkata, soal itu tidak boleh hanya sekadar diselitkan bersama pelbagai perkara lain dalam Perisytiharan Bersama.

"Malaysia mencadangkan supaya soal krisis mata wang dimasukkan dalam perisytiharan bersama yang akan dikeluarkan pada akhir sidang.

"Bagaimanapun, kami mencadangkan satu perisytiharan presiden mengenai krisis mata wang dikeluarkan kerana isu ini amat penting dan tidak boleh dibiarkan tenggelam dalam isu lain pada perisytiharan bersama.

"Ia mungkin juga dipanggil perisytiharan kemuncak kerana tidak semua ketua negara yang hadir adalah presiden," katanya dalam sidang akhbar di sini petang ini.

Perisytiharan kemuncak mengenai krisis mata wang secara berasingan oleh G-15 dijangka mengukuhkan sokongan terhadap usaha Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) mewujudkan peraturan bagi mengawal urus niaga mata wang.

Mengenai reaksi negara maju, Jokonya berkata, kejatuhan pasaran saham yang melanda bursa saham di seluruh dunia menunjukkan negara Barat juga tidak kebal daripada masalah itu.

"Jadi cadangan Malaysia untuk mewujudkan peraturan bagi mengawal urusniaga mata wang itu akan disokong oleh semua. Kita tidak boleh hidup dengan `peraturan hutan'," katanya.

Beliau berkata, langkah mengeluarkan perisytiharan itu adalah satu cara yang berkesan memerangi krisis berkenaan. Biasanya cadangan peringkat pegawai akan diterima oleh ketua-ketua kerajaan.

Mengenai keupayaan G-15 untuk menangani isu krisis mata wang itu, Jokonya mengakui kumpulan berkenaan tidak mampu berbuat demikian.

Bagaimanapun, G-15 boleh bertindak sebagai kumpulan pendesak yang efektif kerana dianggotai oleh negara-negara yang mempunyai suara yang dihormati di rantau masing-masing.

"Argentina dan Brazil mempunyai suara yang dihormati di Amerika Latin. Begitu juga dengan Malaysia, Indonesia dan India di Asia serta negara-negara yang menganggotai G-15 dari benua Afrika," katanya.

(END)